# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

22 OGOS 2025 (JUMAAT)

Usaha Tani Sumber Kehidupan Pertiwi tema HPPNK

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Harakah Daily | Berita | Online | 21 Ogos |



KOTA BHARU: Penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) pada tahun ini menjadi platform utama mendekatkan masyarakat dengan dunia pertanian, penternakan dan perikanan yang menjadi nadi ekonomi negeri.

Program selama lima hari ini bermula secara rasmi pada Rabu, 20 Ogos, dan akan berakhir pada Ahad, 24 Ogos 2025 dengan bertemakan Usaha Tani Sumber Kehidupan Pertiwi.

Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, penganjuran HPPNK merupakan salah satu inisiatif kerajaan negeri menghargai usaha penat lelah para petani, peladang, penternak dan nelayan dalam menyediakan sumber makanan kepada rakyat.

"Selain itu, program ini juga memberi pengiktirafan kepada warga kerja agensi dan jabatan dalam sektor berkenaan, sekali gus meraikan hari yang amat bermakna ini," katanya Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri itu.

HPPNK dianjurkan secara dwitahunan dan selari dengan Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan yang baru sahaja selesai di Kota Kinabalu pada 1 hingga 3 Ogos lalu.

dan pemasaran produk, seminar.

Selain juga diadakan taklimat, ceramah, demonstrasi, persembahan kebudayaan, pertandingan hasil pertanian, buah-



buahan, sayur-sayuran, industri asas tani, pertandingan memancing, sepak penalti anak muda, mewarna kanak-kanak, pengisian rohani, sukan rakyat serta jamuan rakyat.

Pemilihan lokasi dan pengisian acara dirancang supaya rakyat Kelantan khasnya memperoleh impak positif daripada program ini.

“Program HPPNK 2025 menyajikan pelbagai aktiviti menarik bermula seawal jam 9 pagi hingga 10 malam, termasuk pameran agensi, jabatan, syarikat kerajaan dan swasta berkaitan sektor pertanian, penternakan dan perikanan,” ujarnya.

Antara acara utama ialah pameran ternakan di Laman Veterinar dengan lebih 220 ekor lembu sado, promosi

Pada majlis yang sama, turut dilancarkan produk makanan ternakan jenama OxyFAT hasil kerjasama Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad bersama Oxytech Sdn Bhd dan RHB Bank sebagai rakan pembiaya.

Penternak lembu hibrid Naimbif terpilih menerima sumbangan produk OxyFAT

premium, manakala peserta pertandingan Lembu Hibrid HPPNK menerima lima tan makanan ternakan sumbangan KPKB dan FGV Integrated Farming.



Dato' Tuan Saripudin juga berkongsi kejayaan Kelantan mengeluarkan anak lembu betina pertama baka Charolais melalui kaedah straw permanian beradas di Pusat Bio Animal Reproduction Center (BIO-Art), Jeram Pasu, Pasir Puteh.

Kerajaan negeri melalui Kelantan Biotech Corporation menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan dan Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan, Jerantut untuk menghasilkan benih berkualiti.

Anak lembu berkenaan, bernama Marconah, kini berusia hampir dua tahun, dipamerkan khas kepada pengunjung HPPNK 2025.– HARAKAHDAILY

Veterinary Services Confirms Pig Culling, Enforcement Moves To Contain ASF In Penang

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Malay Mail | Malaysia | Online | 21 Ogos |



Pigs are seen at a farm in Kampung Valdor, Sungai Bakap, on June 24, 2019. — Picture by Sayuti Zainudin

TASEK GELUGOR, Aug 21 — Pig farmers and traders in Penang, especially in Kampung Selamat here, received a reminder not to misuse the Movement Permission Account (AKP) or transfer permits by using the names of other farms to prevent the spread of African Swine Fever (ASF).

Penang Veterinary Services Department (JPVPP) director Dr Saira Banu Mohamed Rejab said they are also prohibited from moving sick pigs or those confirmed as positive for the disease to slaughterhouses.

"Such actions are not only against the law but also pose a high risk of spreading ASF infections to other farms and areas, as currently the infected pigs are under control, and we hope no further spread occurs.

"JPVPP has strengthened the enforcement and monitoring of slaughterhouses, while also conducting continuous surveillance to ensure that other farms remain ASF-free," she told Bernama yesterday.

She said so far, four farms in Kampung Selamat have been confirmed positive for ASF, and 21 pig samples from slaughterhouses have also tested positive for ASF.

Saira Banu added that investigations and sampling revealed that all farms linked to positive cases at slaughterhouses were negative at the farm level, except for one farm in Kampung Selamat.

However, she said pigs confirmed as positive at that farm did not show any symptoms or clinical signs of ASF, and the herd was quarantined for 14 days, with repeat tests returning negative results.

“Therefore, the number of ASF-positive farms remains at four, and so far, 351 pigs have died on the farms, while 1,709 pigs have been culled using CO2 Gas across the four ASF-positive farms,” she said.

On July 12, three pig farms in Kampung Selamat were confirmed positive for ASF based on laboratory test results by the Northern Region Veterinary Laboratory, with two of them recording high mortality rates before another farm was confirmed infected on July 27.

Kampung Selamat has 63 pig farms with about 120,000 hogs. — BERNAMA

## Lembu Sado Tarik Tumpuan di HPPNK 2025 Kelantan

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Malaysia Aktif | Kelantan | Online | 22 Ogos |



BACHOK, 22 Ogos (MalaysiaAktif) – Penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) 2025 Peringkat Negeri Kelantan sekali lagi menjadi tumpuan utama apabila lebih 200 ekor lembu hibrid atau lembu sado dipamerkan, selain ratusan haiwan ternakan lain.

Acara dwitahunan yang dinanti-nantikan komuniti peladang, penternak dan nelayan ini berjaya menghimpunkan hampir 300 ekor haiwan ternakan termasuk kambing dan biri-biri untuk pertandingan serta pameran.

Lebih 100 pempamer daripada pelbagai jabatan kerajaan, agensi dan syarikat swasta dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan turut membuka reruai bagi menawarkan khidmat konsultasi, perkongsian ilmu serta jualan produk.

Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Nassuruddin Daud, berkata sektor pertanian terus menjadi penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi negeri dengan sumbangan lebih 20

peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Katanya, penganjuran HPPNK memberi ruang kepada rakyat mendapatkan pendedahan ilmu, perkongsian pengalaman serta penemuan baharu dari segi kaedah dan teknik.

“Kelantan telah sekian lama bertekad menjadi jelapang makanan negara dengan sentiasa menggalakkan penyertaan golongan muda melalui pendedahan menerusi TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional).

“Kita juga sentiasa peka menggerakkan pelbagai inisiatif, program dan projek yang memberi fokus kepada sumber, bekalan dan keterjaminan makanan dalam negeri dan negara,” katanya ketika merasmikan HPPNK 2025 di Pantai Irama, di sini kelmarin.

HPPNK 2025 yang berlangsung dari 20 hingga 24 Ogos ini membawa tema Usaha Tani Sumber Kehidupan Pertiwi, sebagai isyarat jelas terhadap iltizam negara memastikan bekalan makanan mencukupi untuk keperluan rakyat.

Penganjuran kali ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak sebagai platform perkongsian maklumat terkini mengenai perkembangan dunia pertanian, penternakan dan perikanan.-MALAYSIAAKTIF

# Global experts to gather in Kuching this Sept 30 for Rabies in Borneo Conference 2025

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Malay Mail | Malaysia | Online | 21 Ogos |



File photo of Department of Veterinary Services officer administering an anti-rabies injection on a dog on July 19, 2025 in Sibu.

KUCHING (Aug 22): The highly anticipated 4th edition of the Rabies in Borneo (RIB) Conference will take place from Sept 30 to Oct 1 at the Borneo Convention Centre Kuching (BCCK).

Co-organised by Place Borneo and the Department of Veterinary Services Sarawak (DVSS), the conference is expected to be officiated by Sarawak Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

According to the organising committee, RIB 2025 will bring together 21 distinguished expert speakers from 12 countries, all united in their commitment to advancing rabies research, control, and eradication across the region.

Held under the theme 'Rabies Free Borneo: Uniting People, Animals and Communities', the conference will feature insightful plenary and panel sessions focused on the fight against rabies in Sarawak, and the latest innovations in rabies prevention and

control.

Serving as a vital platform for knowledge exchange and strategic partnerships, RIB 2025 will bring together global stakeholders working toward the shared goal of saving lives and improving the health of both humans and animals.

“The Rabies in Borneo conference exemplifies our commitment to protecting communities, domesticated animals, and wildlife,” said the Premier in a statement.

“I urge all stakeholders, community leaders, and the public to actively support and participate in our collective efforts. Together, we can eliminate rabies as a public health threat and ensure a safer future for Sarawak and beyond.”

The organising committee added that RIB 2025 not only reinforces Sarawak’s leadership in disease control but also underscores the importance of regional cooperation in the fight against rabies.

The event aims to empower local communities, raise public awareness, and support the implementation of effective vaccination and surveillance programmes to amplify collective efforts across Borneo and beyond.- THEBORNEOPOST

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR